

# 4 kawasan dilanda banjir

METRO 21/11

**S**EREMBAN: Hujan lebat kira-kira sejam semalam menyebabkan beberapa kawasan di daerah ini dilanda banjir kilat.

Hujan lebat yang bermula kira-kira jam 7 malam itu menyebabkan beberapa kawasan terjejas teruk akibat banjir kilat antaranya Jalan Rahang Kecil, Kampung Dato' Mansor, Rasah dan Batu 3 Mambau.

Jurucakap polis berkata, pihaknya turut menerima dua laporan kejadian tanah runtuh iaitu di Taman Seri Tanjung, Sungai Landak, Ampangan dan Jalan Dr Ismail.

"Bagaimanapun tiada kecederaan berlaku dan polis serta beberapa lagi agensi lain membuat pemantauan di kawasan berlakunya kejadian itu," katanya di sini, malam tadi.

Tinjauan Harian Metro di Kampung Jiboi, Ampangan, mendapati kira-kira 50 rumah ditenggelami hampir 0.5 meter menyebabkan penduduk kerugian ribuan ringgit.

Seorang penduduk, Ariffin Yacob, 73, berkata dia sekeluarga bosan dengan keadaan banjir sejak beberapa tahun lalu yang merosakkan harta benda.



**SELAMAT...**anggota bomba membantu penduduk Kampung Dato' Mansor yang terperangkap dalam banjir kilat, malam tadi.